

Dipilih untuk Audit Kesediaan Autonomi Universiti

UniSZA lakar sejarah - Yahaya

Oleh ROSALINDA MD.SAID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 7 APRIL

UNIVERSITI Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bakal melakar satu lagi sejarah apabila dipilih untuk melalui Audit Kesediaan Autonomi Universiti bersama-sama enam universiti awam lain, tahun ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, status universiti berautonomi merupakan prasyarat dalam menjadikan UniSZA sebuah universiti berstatus komprehensif, menjurus kepada bidang baharu bertemakan *Peradbangan dan Teknologi Pengurusan*.

Dengan status itu, katanya, UniSZA antara lain akan diberikan kuasa penuh membuat dan melaksanakan keputusan sendiri melalui struktur urus tadbir yang jelas dan menetapkan dasar berkaitan pembangunan organisasi, di samping sistem saraan dan urusan perkhidmatan berkaitan modal insan.

"UniSZA akan menjadi sebuah universiti awam yang berautonomi setelah kita mendapat Sijil Audit Kesediaan Autonomi yang dikendalikan oleh pihak kementerian. Kita sedang bersedia untuk diaudit dan diberikan status universiti berautonomi," katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa menyampaikan Syarahan Tahunan yang bertemakan *UniSZA Memperkasa Jauhari* di Dewan Gimnasium Kampus Gong Badak di sini baru-baru ini.

Yahaya berkata, bagi mencapai matlamat itu, pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Anta-



YAHAYA IBRAHIM (kanan) menyampaikan sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 kepada seorang kakitangan sempena Majlis Syarahan Tahunan di UniSZA, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

rabangsa) dipertanggungjawabkan untuk menjadi urus setia dalam penyelarasan kerja empat bidang autonomi iaitu tadbir urus institusi, pengurusan kewangan dan penjanan kekayaan, pengurusan modal insan diikuti tadbir urus akademik dan pengambilan pelajar.

Di samping itu, katanya, pihak Audit Dalaman UniSZA akan turut berperanan sebagai auditor dalam membuat penilaian kendiri (internal) Persijilan Audit Kesediaan Autonomi bagi institusi tersebut.

Menurut Yahaya, kesiapsiagaan ke arah menjadi universiti autonomi itu merupakan antara agenda

UniSZA di ambang fasa 'pemekaran' dalam kerangka transformasinya selaras usaha memperkasakan taraf keilmuan tenaga akademik bagi melahirkan pelajar cemerlang bercirikan budaya ulul-albab.

Katanya, fasa yang digerakkan bermula tahun ini hingga 2016 itu secara dasarnya akan diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi (PPPM-PT).

Sementara itu, dalam majlis tersebut juga, seramai 139 kakitangan akademik dan pentadbiran UniSZA menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2014 yang disampaikan oleh Pendaftar, Nordin Jusoh.